

Karangan Fakta

Domain Awam

Soalan:

Kenaikan harga beberapa barangan keperluan terutama bahan mentah di negara ini berpunca daripada tindakan pengguna yang membeli barangan keperluan harian itu secara berlebihan kerana bimbang akan kehabisan stok.

Presiden Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Darshan Singh berkata, sikap pengguna yang melakukan pembelian barangan secara berlebihan akan mengganggu rantai pembekalan.

“Pengguna harus membeli barangan yang diperlukan seperti biasa sahaja kerana pembelian secara berlebihan akan menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di pasaran seterusnya menyebabkan kenaikan harga.”

(Dipetik daripada rencana “Harga Barang Naik Sebab Pengguna Beli Berlebihan” oleh Raihan Mohd Sanusi, *Sinar Harian*, 30 Mac 2020)

Petikan akhbar di atas menyatakan sebahagian faktor kenaikan harga barang yang memberikan kesan kepada masyarakat.

Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membendung kenaikan harga barangan di negara kita.

Lengkapkan karangan di bawah dengan memilih perkataan atau frasa yang disediakan.

Kenaikan harga barang di negara kita bukanlah suatu perkara yang asing, malah sering terjadi terutama pada musim perayaan. Kenaikan harga barang sudah semestinya akan menjejaskan perbelanjaan seharian masyarakat, terutama_____. Bagi golongan yang hidupnya “_____”, kenaikan harga barang sudah tentu akan membebankan mereka. Justeru, pelbagai usaha perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk _____ ini daripada terus menjadi beban masyarakat.

Antara usaha untuk membendung masalah kenaikan harga barang termasuklah mengamalkan _____. Hal ini demikian kerana, amalan berjimat cermat dapat mengurangkan perbelanjaan harian para pengguna. Amalan berjimat cermat juga akan mengurangkan permintaan pengguna terhadap sesuatu barang sekali gus menyebabkan harga barang tersebut akan mengalami penurunan. _____, wang lebih perbelanjaan harian bolehlah disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang. Oleh itu, rakyat disarankan agar menerapkan amalan berjimat cermat dalam diri sekali gus _____.

Di samping itu, untuk membendung masalah kenaikan harga barang, para pengguna haruslah bijak merancang perbelanjaan harian. Hal ini demikian kerana, para pengguna dapat mengurangkan jumlah perbelanjaan harian dengan mengutamakan _____ berbanding dengan barang kehendak. Dalam hal ini, para pengguna disarankan supaya _____ yang hendak dibeli terlebih dahulu sebelum berbelanja. Apabila pengguna mengamalkan amalan ini, sudah tentu _____ kerana para pengguna hanya membeli barang-barang yang diperlukan sahaja misalnya, barang makanan dan pakaian. Manakala, _____ yang kurang penting seperti permainan untuk anak-anak boleh diletakkan. Oleh itu, para pengguna tidak perlu berbelanja lebih demi memenuhi kehendak di samping dapat mengurangkan beban perbelanjaan harian.

Seterusnya, usaha lain untuk membendung masalah kenaikan harga barang adalah dengan memboikot barang-barang yang mengalami kenaikan harga secara mendadak. Perkara ini sering berlaku ketika musim-musim perayaan, ekoran _____ daripada para pembeli. Situasi ini menyebabkan para peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan _____ yang dijual sesuka hati mereka. Barang-barang yang sering mengalami kenaikan harga secara mendadak ketika musim perayaan misalnya, daging ayam, ikan, daging dan sayur. Oleh itu, _____ dengan tidak membeli barang-barang yang mengalami kenaikan harga yang tidak munasabah.

Selain itu, _____ melakukan pemantauan harga barang di pasaran juga dapat membantu untuk membendung masalah kenaikan harga barang. Dalam hal ini, pihak berkuasa hendaklah melakukan _____ dan melakukan pemeriksaan harga barang agar tiada peniaga yang menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya. Jika terdapat

peniaga yang tidak mematuhi peraturan dan menjual barang tidak mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan, _____ hendaklah dikenakan kepada pihak tersebut. Justeru, dengan tindakan yang sedemikian _____ untuk mengambil kesempatan terhadap para pengguna, seperti peribahasa "_____".

Kesimpulannya, kenaikan harga barang membebankan dan _____. Oleh itu, _____ amatlah diperlukan bagi membendung masalah kenaikan harga barang di pasaran. Oleh hal yang demikian, para pengguna haruslah sedar akan hak-hak dan tanggungjawab mereka agar _____ oleh golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab. _____ dan jadilah pengguna yang bijak.

Pilihan Jawapan:

golongan yang berpendapatan rendah	barang keperluan
permintaan yang tinggi	usaha pihak kerajaan
membuat senarai barang	amalan berjimat cermat
masyarakat hendaklah bertindak bijak	dapat mengelakkan pembaziran
mendidik amalan ini kepada anak-anak	kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
barang kehendak	menaikkan harga barang
membendung masalah	Apabila pengguna kurang berbelanja
hukuman dan denda	para peniaga tidak akan berani
menangguk di air yang keruh	menyusahkan banyak pihak
Berhemahlah ketika berbelanja	lawatan ke tapak-tapak perniagaan
kerjasama daripada semua pihak	tidak mudah ditindas